

penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara



PEMBIAYAAN PELANCONGAN PENJANA

AFFINBANK

ALLIANCE BANK

AmBank

BANK ISLAM

Bank Muamalat

BSN

CIMB

HongLeong Bank

Maybank Islamic

PUBLIC BANK

RHB

SME BANK GROUP

Penyedia Jaminan Kredit:

SJPP

KANDUNGAN

CIRI UTAMA PEMBIAYAAN PELANCONGAN PENJANA

Pengenalan	2
Objektif	3
Kriteria kelayakan	3

SENARAI BANK PESERTA DAN PRODUK MEREKA

Affin Bank Berhad / Affin Islamic Bank Berhad	4
Alliance Bank Malaysia Berhad / Alliance Islamic Bank Berhad	5
AmBank (M) Berhad / AmBank Islamic Berhad	6
Bank Islam Malaysia Berhad	7
Bank Muamalat Malaysia Berhad	8
Bank Simpanan Nasional	9
CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad	10
Hong Leong Bank Berhad / Hong Leong Islamic Bank	11
Maybank Islamic Berhad	12
Public Bank Berhad / Public Islamic Bank Berhad	13
RHB Bank Berhad / RHB Islamic Bank Berhad	14
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)	15
Maklumat perhubungan BNMTELELINK dan MyKNP	16

PENGENALAN

Sektor pelancongan merupakan sektor penting dalam ekonomi Malaysia dengan aktiviti yang berkaitan pelancongan menyumbang 15% kepada KDNK Malaysia, menjadi sumber pekerjaan kepada lebih 20% daripada jumlah guna tenaga dan menyediakan sumber pendapatan luar negeri untuk ekonomi Malaysia. Sektor pelancongan juga memberikan kesan limpahan kepada sektor-sektor lain dalam ekonomi.

Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan buruk kepada sektor pelancongan kerana ketibaan pelancong telah berkurang dengan ketara berikutan langkah-langkah sekatan pergerakan oleh beberapa negara. Di Malaysia, pelonggaran sekatan secara beransur-ansur telah membolehkan perjalanan merentas sempadan antara negeri bermula semula. Hal ini akan membuka jalan untuk industri kembali pulih. Pada masa hadapan, sektor pelancongan perlu membuat penyesuaian dengan kebiasaan baharu selepas pandemik, terutamanya bagi menangani hal-hal kebersihan, keselamatan dan akhirnya keyakinan pengguna dan perniagaan selaras dengan garis panduan yang terdapat dalam United Nations World Tourism Organisation's (UNWTO) *Global Guidelines to Restart Tourism 2020*.

Sehubungan dengan itu, Pembiayaan Pelancongan PENJANA (*PENJANA Tourism Financing*, PTF) diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk membantu sektor pelancongan. PTF bertujuan untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia dalam sektor pelancongan, melalui usaha mengekalkan keupayaan mereka dan membantu mereka membuat penyesuaian dan terus berdaya saing selepas negara pulih daripada COVID-19. Berdasarkan perbincangan dan interaksi dengan persatuan daripada sektor pelancongan, beberapa contoh pelarasan kepada kebiasaan baharu akan dilakukan termasuk menambah baik model perniagaan, melaksanakan amalan baharu (cth. pengubahsuaian agar selaras dengan SOP, daftar tanpa sentuh, prosedur kebersihan) dan pendigitalan (cth. gerbang pembayaran dalam talian, kehadiran digital dan pemasaran digital).

PKS Malaysia dalam sektor pelancongan teras dan berkaitan pelancongan yang layak, sama ada PKS menurut takrifan SME Corp Malaysia; atau PKS yang dilesenkan oleh/berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia, MoTAC) boleh memohon PTF dengan menghubungi institusi kewangan peserta (PFI). Pada peringkat permulaan, sebanyak 12 bank akan menawarkan PTF dengan ciri-ciri yang berbeza, seperti yang dinyatakan dalam halaman seterusnya. Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) akan menyokong PTF dengan memberikan jaminan kepada PKS dalam industri pelancongan yang layak untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan.

Selain itu, Kerajaan juga memberikan sokongan kepada sektor pelancongan melalui insentif cukai, iaitu pengecualian cukai pelancongan, pengecualian cukai perkhidmatan untuk hotel, pelepasan cukai pendapatan bagi perbelanjaan pelancongan dan penangguhan pembayaran ansuran cukai.

Pendanaan dan sokongan khusus turut disalurkan kepada sektor yang berkaitan dengan pelancongan, iaitu kesenian, kebudayaan, hiburan dan program tertentu melalui pemberian pinjaman mudah, geran untuk pemasaran digital, dana yang memberikan tumpuan pada animasi dan kesan visual serta pelbagai inisiatif untuk membantu peserta industri membuat penyesuaian dengan kebiasaan baharu menerusi latihan dalam pengedaran digital (*digital distribution*), pembinaan model perniagaan baharu dan kesalinghubungan (*connectivity*). PKS juga boleh mendapatkan akses kepada kemudahan di bawah Tabung Bank Negara Malaysia untuk PKS seperti Kemudahan Automasi dan Digital, serta skim dan produk yang ditawarkan oleh institusi kewangan.

Langkah-langkah lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah PENJANA termasuk usaha untuk melindungi dan menggalakkan pengambilan tenaga kerja. Apabila ekonomi pulih, insentif pengambilan tenaga kerja dan subsidi gaji yang diperluas, serta memperbaharui kemahiran dan latihan akan menjadi sama penting bagi memastikan para pekerja dapat mengekalkan atau meningkatkan kemahiran mereka.

OBJEKTIF

Menyokong PKS dalam sektor pelancongan melalui usaha mengekalkan keupayaan mereka dan membantu mereka membuat pelaburan yang diperlukan agar syarikat dapat melakukan perubahan dan kekal berdaya maju selepas COVID-19

JUMLAH PERUNTUKAN

RM 1 bilion

KRITERIA KELAYAKAN

SEKTOR YANG LAYAK

Pelancongan teras:

1. Premis penginapan pelancongan (cth. hotel bajet, inap desa berdaftar, chalet dan rumah peranginan)
2. Agensi pelancongan dan operator pelancongan
3. Pengangkutan untuk pelancong (cth. operator bas, bot dan kereta sewa)

Sektor berkaitan pelancongan:

1. Pelancongan perubatan
2. Ekosistem Mesyuarat, Insentif, Persidangan, Pameran (*Meetings, Incentives, Conferences, Exhibitions, MICE*)
3. Perniagaan perkhidmatan kewangan – untuk pengendali pertukaran wang yang berurusan terutamanya dengan pelancong ke dalam dan ke luar negeri
4. Perniagaan runcit, rekreasi dan kesihatan berkaitan pelancongan yang boleh membuktikan pergantungan mereka yang besar terhadap pelancong

Definisi PKS yang layak

PKS Malaysia dalam sektor pelancongan teras dan sektor berkaitan dengan pelancongan yang sama ada PKS menurut takrifan SME Corp Malaysia; atau PKS yang dilesenkan oleh / berdaftar dengan MoTAC

Affin Bank Berhad Affin Islamic Bank Berhad

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja sahaja

Bukan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit / pembiayaan sedia ada

JUMLAH PEMBIAYAAN

PKS: Sehingga RM300 ribu bagi setiap PKS

Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegang saham bersama lebih daripada 20%

KADAR PEMBIAYAAN

Sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan)

JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan bertempoh

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

Sehingga 7 tahun

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

6 bulan

Faedah akan terakru serta akan dimasukkan dalam jumlah pembiayaan dan dibahagikan untuk sepanjang baki tempoh bayaran balik

Bagi kemudahan pembiayaan Islam, keuntungan akan terakru dan dicaj ke atas jumlah bayaran mulai bulan ketujuh

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a) Dokumen pendaftaran perniagaan / syarikat (SSM)
- b) Akaun teraudit untuk 3 tahun kewangan terakhir
- c) Penyata cukai LHDN terkini untuk selama 2 tahun
- d) Penyata bank terkini untuk selama 6 bulan

KEPERLUAN LAIN

Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan / atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF / PSF-i) tidak layak untuk memohon

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

☎ Tel: 03-4142 3916

✉ E-mel: ac.cnergy@affinbank.com.my

🌐 Laman sesawang: www.affinislamic.com.my



Alliance Bank Malaysia Berhad Alliance Islamic Bank Berhad

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja dan perbelanjaan modal sahaja
Bukan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit / pembiayaan sedia ada

JUMLAH PEMBIAYAAN

PKS: Sehingga RM300 ribu bagi setiap PKS; dan
Perusahaan mikro: Sehingga RM75 ribu bagi setiap perusahaan mikro
Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegangan saham bersama lebih daripada 20%

KADAR PEMBIAYAAN

Sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan)

JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan / pinjaman bertempoh

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

Sehingga 7 tahun

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

Minimum selama 6 bulan

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a) Pendaftaran SSM
- b) Akaun teraudit bagi tahun kewangan terkini dan penyata bank selama 6 bulan

KEPERLUAN LAIN

Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 3 tahun
Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan / atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) tidak layak untuk memohon

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

☎ Tel: 1-300-80-3388

✉ E-mel: info@alliancefg.com

AmBank (M) Berhad AmBank Islamic Berhad

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja dan perbelanjaan modal sahaja
Bukan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit / pembiayaan sedia ada

JUMLAH PEMBIAYAAN

PKS: Sehingga RM300 ribu bagi setiap PKS; dan
Perusahaan mikro: Sehingga RM75 ribu bagi setiap perusahaan mikro
Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegang saham bersama lebih daripada 20%

KADAR PEMBIAYAAN

Sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan)

JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan bertempoh

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

Untuk PKS – Sehingga 7 tahun
Untuk perusahaan mikro – Sehingga 5 tahun.

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

6 bulan

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Untuk PKS

- Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 3 tahun
- Akaun teraudit untuk 3 tahun kewangan terakhir
- Penyata bank terkini untuk selama 6 bulan dengan transaksi
- Dokumen sokongan sebagai bukti perbelanjaan operasi yang perlu dibiayai
- Pendaftaran perniagaan / Sijil Penubuhan / Notis Pendaftaran dengan SSM / pihak berkuasa / pejabat daerah di Sabah dan Sarawak atau badan berkanun bagi penyedia perkhidmatan profesional
- Salinan kad pengenalan pengarah / rakan kongsi / pemegang saham / penjamin

Untuk perusahaan mikro

- Perniagaan beroperasi sekurang-kurangnya satu tahun
- Fail penyata cukai terkini pengusaha utama / penjamin (Borang B / BE) dengan resit/akaun pengurusan terkini; atau penyata bank terkini selama enam bulan dengan transaksi
- Dokumen sokongan sebagai bukti perbelanjaan operasi yang perlu dibiayai
- Pendaftaran perniagaan / Sijil Penubuhan / Notis Pendaftaran dengan SSM / pihak berkuasa / pejabat daerah di Sabah dan Sarawak atau badan berkanun bagi penyedia perkhidmatan profesional
- Salinan kad pengenalan pengarah / rakan kongsi / pemegang saham / penjamin

KEPERLUAN LAIN

Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 3 tahun bagi PKS dan satu tahun bagi perusahaan mikro
Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan / atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) tidak layak untuk memohon

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Tel: 03-2178 3188

E-mel: customercare@ambankgroup.com

Bank Islam Malaysia Berhad

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja dan perbelanjaan modal sahaja
Bukan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit / pembiayaan sedia ada

JUMLAH PEMBIAYAAN

PKS: Sehingga RM300 ribu bagi setiap PKS
Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegangan saham bersama lebih daripada 20%

KADAR PEMBIAYAAN

Sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan)

MARGIN PEMBIAYAAN

100%

JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan bertempoh

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

Sehingga 7 tahun

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

Minimum selama 6 bulan
Keuntungan akan terakru semasa tempoh penangguhan pembayaran balik dan akan dibahagikan untuk sepanjang tempoh pembayaran balik

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Pendaftaran SSM (Borang 24, 44 & 49, M&A untuk syarikat sendiri berhad, sijil pendaftaran perniagaan untuk milikan tunggal dan perkongsian)
- Akaun teraudit bagi tahun kewangan terkini untuk syarikat sendiri berhad
- Akaun pengurusan bagi tahun kewangan terkini (syarikat sendiri berhad serta milikan tunggal / perkongsian)
- Borang B terkini (milikan tunggal / perkongsian)
- Penyata bank terkini untuk selama 12 bulan (syarikat sendiri berhad serta milikan tunggal / perkongsian)
- Salinan kad pengenalan pengarah / rakan kongsi / pemilik
- Dokumen berkaitan yang lain cth. tempahan jualan dan pembelian

KEPERLUAN LAIN

Rakyat Malaysia yang tinggal di Malaysia yang memiliki pemegangan saham/ pemilikan minimum 51% dalam PKS tersebut

Berdaftar dengan badan-badan yang berikut:

- Suruhanjaya Syarikat Malaysia sama ada di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan (1956) atau Akta Syarikat 1965 dan/atau Akta Syarikat 2016 atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (syarikat sendiri berhad, pemilikan tunggal dan perkongsian); atau
 - Pihak berkuasa atau pejabat daerah masing-masing di Sabah dan Sarawak
- Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 2 tahun
Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan / atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) tidak layak untuk memohon

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

☎ Tel: 03-2690 0900

✉ E-mel: contactcenter@bankislam.com.my

🌐 Laman sesawang: www.bankislam.com.my

Bank Muamalat Malaysia Berhad

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja dan perbelanjaan modal sahaja
Bukan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada

JUMLAH PEMBIAYAAN

PKS: Sehingga RM300 ribu bagi setiap PKS; dan
Perusahaan mikro: Sehingga RM75 ribu bagi setiap perusahaan mikro
Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegangan saham bersama lebih daripada 20%

KADAR PEMBIAYAAN

Sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan)

JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan bertempoh

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

6 tahun

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

12 bulan

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a) Sijil pendaftaran dengan SSM / negeri / perbandaran
- b) Salinan kad pengenalan pemilik syarikat / pengarah
- c) Bukti menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya 2 tahun dengan mencatatkan keuntungan sekurang-kurangnya 1 tahun
- d) Penyata bank terkini selama 6 bulan bagi PKS
- e) Penyata bank terkini selama 12 bulan bagi perusahaan mikro
- f) Borang kebenaran yang ditandatangani dengan sewajarnya untuk menyemak rekod kredit pemohon

KEPERLUAN LAIN

Perniagaan beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun
Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan / atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) tidak layak untuk memohon

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

☎ Tel: 03-2600 5500

✉ E-mel: feedback@muamalat.com.my

Bank Simpanan Nasional

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja dan perbelanjaan modal sahaja
Bukan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit / pembiayaan sedia ada

JUMLAH PEMBIAYAAN

Daripada RM5,000 sehingga RM50,000

KADAR PEMBIAYAAN

3.5% setahun (termasuk fi jaminan)

JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan bertempoh

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

1 hingga 5.5 tahun

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

6 bulan

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a) Pendaftaran perniagaan dengan SSM dan / atau Lesen Perniagaan dengan Majlis Daerah / Majlis Perbandaran / Pihak Berkuasa Tempatan / MoTAC (bagi inap desa di bawah premis penginapan pelancong) / permit operasi (bagi perniagaan berkaitan) / Surat Ikatan Perkongsian
- b) Salinan kad pengenalan pemilik / rakan kongsi / semua pengarah / pemegang saham / penjamin (jika ada)
- c) Pengisytiharan yang menyatakan bahawa pemohon bukan penerima SRF dan / atau BSN Micro Kredit PENJANA dan / atau BSN Micro Kredit PRIHATIN
- d) Penyata akaun bank terkini untuk selama 6 bulan
- e) Penyata kewangan / akaun pengurusan / penyata cukai pendapatan (jika berkenaan)

KEPERLUAN LAIN

Perniagaan perusahaan mikro (milikan tunggal / perkongsian / syarikat sendirian berhad)
Perniagaan telah beroperasi selama sekurang-kurangnya 6 bulan.
Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF), Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) dan / atau BSN Micro/I Kredit tidak layak untuk memohon

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

 Tel: 1-300-881-900

 E-mel: customercare@bsn.com.my

CIMB Bank Berhad CIMB Islamic Bank Berhad

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja dan perbelanjaan modal sahaja
Bukan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit / pembiayaan sedia ada

JUMLAH PEMBIAYAAN

PKS: Sehingga RM300 ribu bagi setiap PKS
Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegangan saham bersama lebih daripada 20%

KADAR PEMBIAYAAN

Sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan)

JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan bertempoh

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

Sehingga 7 tahun

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

Minimum selama 6 bulan

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a) Dokumen pendaftaran perniagaan dengan SSM
- b) Penyata bank terkini untuk selama 6 hingga 9 bulan
- c) Akaun teraudit atau akaun pengurusan untuk 3 tahun kewangan yang terakhir

KEPERLUAN LAIN

Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 3 tahun
Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan / atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) tidak layak untuk memohon

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

☎ Pusat Panggilan Perniagaan: 1-300-888-828

Hong Leong Bank Berhad Hong Leong Islamic Bank

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja dan perbelanjaan modal sahaja
Bukan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit / pembiayaan sedia ada

JUMLAH PEMBIAYAAN

PKS: Sehingga RM300 ribu bagi setiap PKS; dan
Perusahaan mikro: Sehingga RM75 ribu bagi setiap perusahaan mikro
Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegangan saham bersama lebih daripada 20%

KADAR PEMBIAYAAN

Sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan)

JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan bertempoh

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

Sehingga 7 tahun

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

6 bulan

Faedah akan terakru sepanjang penangguhan bayaran balik selama 6 bulan dan akan dibahagikan untuk sepanjang tempoh pembayaran balik selama 6.5 tahun

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a) Dokumen pendaftaran perniagaan, cth pendaftaran SSM
- b) Salinan kad pengenalan pengarah dan pemegang saham / penjamin
- c) Akaun kewangan teraudit dan / atau akaun pengurusan untuk 3 tahun kewangan terakhir
- d) Penyata bank terkini sekurang-kurangnya untuk selama 6 bulan

KEPERLUAN LAIN

Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 3 tahun
Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan / atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) tidak layak untuk memohon

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

☎ Tel: 03-7626 8899

✉ E-mel: sme@hlbb.hongleong.com.my

🌐 Laman sesawang: www.hlb.com.my

Maybank Islamic Berhad

SEKTOR YANG LAYAK

Semua sektor seperti yang tersenarai pada muka surat 3 e-buku, kecuali premis penginapan pelancongan dan pengendali pertukaran wang

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja sahaja

Bukan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit / pembiayaan sedia ada

JUMLAH PEMBIAYAAN

PKS: Sehingga RM300 ribu bagi setiap PKS; dan

Perusahaan mikro: Sehingga RM75 ribu bagi setiap perusahaan mikro

Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegang saham bersama lebih daripada 20%

KADAR PEMBIAYAAN

3.5% setahun (termasuk fi jaminan)

JENIS PEMBIAYAAN

Pinjaman bertempoh

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

Untuk PKS - sehingga 7 tahun

Untuk perusahaan mikro - sehingga 5 tahun

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

6 bulan

Keuntungan yang dikenakan akan terakru sepanjang penangguhan bayaran balik selama 6 bulan. Jumlah itu akan ditolak daripada pembayaran yang dibuat selepas tempoh penangguhan bayaran balik. Selepas itu, jumlah tersebut akan mengurangkan baki pokok

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a) Penyata bank terkini untuk selama 6 bulan
- b) Salinan kad pengenalan pengarah syarikat
- c) Dokumen berkaitan pendaftaran perniagaan
- d) Akaun teraudit/akaun pengurusan untuk 2 tahun kewangan terakhir

KEPERLUAN LAIN

Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 3 tahun

Pelanggan dengan perolehan sehingga RM25 juta

Syarikat mempunyai nilai bersih yang positif (bagi syarikat yang mempunyai nilai bersih yang negatif, mereka dibenarkan untuk menambah modal berbayar sebelum pembiayaan dikeluarkan)

Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan / atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) tidak layak untuk memohon

CONTACT DETAILS

☎ Tel: 1-300-88-6688 (dalam negeri), 603 - 78443696 (luar negeri)

✉ E-mel: mgcc@maybank.com.my

🌐 Laman sesawang: www.maybank2u.com

Public Bank Berhad Public Islamic Bank Berhad

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja dan perbelanjaan modal (terhad kepada kos pengubahsuaian dan pelaburan dalam SOP baharu untuk beroperasi dalam persekitaran pasca-COVID-19)
Perbelanjaan modal untuk pembelian harta tanah tidak dibenarkan

JUMLAH PEMBIAYAAN

PKS: Sehingga RM300 ribu bagi setiap PKS
Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegangan saham bersama lebih daripada 20%

KADAR PEMBIAYAAN

3.5% setahun (termasuk fi jaminan)

JENIS PEMBIAYAAN

Pinjaman tetap / Pembiayaan bertempoh-i

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

Sehingga 7 tahun

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

12 bulan

Faedah akan terakru sepanjang tempoh penangguhan bayaran balik selama 12 bulan, dan akan dibahagikan sepanjang tempoh pembayaran balik selama 6 tahun

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Akaun teraudit sekurang-kurangnya untuk 1 tahun (bagi syarikat), akaun pengurusan diterima jika akaun teraudit untuk tahun pertama masih menunggu untuk diaudit,
- Borang B/Borang P (berserta rekod kewangan) untuk syarikat pemilihan tunggal dan perkongsian
- Akaun pengurusan terkini
- Ringkasan rancangan perniagaan untuk mewajarkan pembiayaan perbelanjaan modal (jika berkenaan)
- Dokumen pendaftaran perniagaan
- PDPA/borang kebenaran penzahiran yang telah ditandatangani
- Penyata bank terkini untuk selama 3 hingga 6 bulan
- Salinan kad pengenalan pengarah / pemilik tunggal / rakan niaga / penjamin
- Lesen pendaftaran daripada MoTAC (mana-mana berkenaan)
- Gambar pemeriksaan di premis perniagaan
- Apa-apa dokumen lain yang mungkin diperlukan oleh bank

KEPERLUAN LAIN

Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 2 tahun dari tarikh permohonan
Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan / atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) tidak layak untuk memohon

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

PKS boleh menghubungi cawangan Public Bank yang terdekat untuk mengemukakan pertanyaan dan permohonan pembiayaan.
Sila layari www.pbepbank.com untuk mendapatkan maklumat perhubungan cawangan



RHB Bank Berhad RHB Islamic Bank Berhad

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja dan perbelanjaan modal sahaja
Bukan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada

JUMLAH PEMBIAYAAN

PKS: Sehingga RM300 ribu bagi setiap PKS; dan
Perusahaan mikro: Sehingga RM75 ribu bagi setiap perusahaan mikro
Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegangan saham bersama lebih daripada 20%

KADAR PEMBIAYAAN

Sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan)

JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan / pinjaman bertempoh

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

Sehingga 7 tahun

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

Sekurang-kurangnya 6 bulan penangguhan bayaran balik, dengan pilihan penangguhan bayaran balik selama 6 bulan lagi bagi jumlah pokok sahaja

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a) Akaun teraudit untuk 2 tahun kewangan terakhir
- b) Penyata bank terkini untuk selama 6 bulan

KEPERLUAN LAIN

Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 2 tahun
Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan / atau Pembiayaan PKS PENJANA (PENJANA SME Financing, PSF) tidak layak untuk memohon

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

☎ Tel: 03-9206 8118

✉ E-mel: customer.service@rhbgroup.com

🌐 Laman sesawang: www.rhbgroup.com/covid_sme/index.html

Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

TUJUAN PEMBIAYAAN

Untuk modal kerja dan perbelanjaan modal sahaja
Bukan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit / pembiayaan sedia ada

JUMLAH PEMBIAYAAN

PKS: Sehingga RM300 ribu bagi setiap PKS
Had yang sama akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegangan saham bersama lebih daripada 20%

KADAR PERMBIAYAAN

Sehingga 3.5% setahun (termasuk yuran jaminan)

JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan bertempoh (termasuk Ijarah Thummal Bai' (ITB)) dan pembiayaan modal kerja berputar

TEMPOH PEMBIAYAAN (termasuk penangguhan bayaran balik)

Sehingga 7 tahun

PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

Penangguhan pembayaran atau tempoh tangguh selama sekurang-kurangnya 6 bulan, dengan tempoh maksimum selama 1 tahun

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Dokumen yang diperlukan daripada PKS untuk pendaftaran ialah dokumen standard seperti yang terdapat dalam laman sesawang SME Bank (<https://www.smebank.com.my/en/application-form>)

KEPERLUAN LAIN

Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 2 tahun
Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) dan / atau Pembiayaan PKS PENJANA (PENJANA SME Financing, PSF) tidak layak untuk memohon

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

☎ Tel: 03-2603 7700

✉ E-mel: customercare@smebank.com.my

🌐 Laman sesawang: www.smebank.com.my

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Untuk maklumat lanjut, PKS boleh menghubungi:

BNMTELELINK

 **1 300 88 5465**

PKS yang gagal dalam permohonan mereka boleh menghubungi Khidmat Nasihat Pembiayaan (MyKNP) untuk mendapatkan khidmat nasihat

 **03-7880 0088**

 **myknp@cgc.com.my**